

**NO. SOALAN : 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9026**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifik ciri-ciri kesalahan yang boleh tertakluk di bawah '*Not To Land (NTL)*' agar ia tidak terus disalahgunakan untuk kepentingan politik pihak tertentu seperti yang diamalkan Kerajaan Negeri Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ciri-ciri kesalahan yang boleh tertakluk di bawah 'Not To Land' (NTL) adalah termaktub di bawah Seksyen 8(3), Akta Imigresen 1959/63. Ianya secara spesifik jelas menyatakan kategori-kategori orang yang dilarang kemasukan adalah seperti berikut:**

- (a) Mana-mana orang yang tidak dapat menunjukkan bahawa ia mempunyai punca pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungannya (jika ada) atau bahawa ia mempunyai kerja tertentu yang menantinya, atau yang mungkin menjadi seorang yang papa atau menjadi beban orang awam;**
- (b) Mana-mana orang yang mengalami sakit otak atau mempunyai kecacatan mental, atau mengalami penyakit menjangkit atau menular yang menjadikan kehadirannya di Malaysia merbahaya kepada masyarakat;**
- (c) Mana-mana orang yang enggan membuat pemeriksaan perubatan selepas dikehendaki berbuat demikian di bawah seksyen 39A (1);**

- (d) Mana-mana orang yang:**
- (i) telah disabitkan di mana-mana negara atau negeri bagi mana-mana kesalahan dan dihukum penjara bagi sebarang tempoh, dan tidak menerima pengampunan; dan**
  - (ii) dengan sebab keadaan-keadaan yang berhubung dengan sabitan dianggap oleh Ketua Pengarah sebagai seorang imigran pendatang yang tidak diingini;**
- (e) mana-mana orang yang kemasukannya ke Malaysia adalah, atau pada masa kemasukannya, menyalahi undang-undang di bawah Akta ini atau lain-lain undang-undang bertulis pada masa itu berkuat kuasa;**
- (f) mana-mana orang yang mempercayai atau menjalankan kegiatan untuk menjatuhkan secara paksa atau kekerasan mana-mana Kerajaan di Malaysia atau mana-mana kerajaan yang ditubuhkan atau undang-undang perlembagaan atau kuasa atau yang tidak mempercayai atau menentang kerajaan yang ditubuhkan atau yang menjalankan pembunuhan pegawai-pegawai awam, atau yang menganjurkan atau mengajar tentang kerosakan harta benda secara menyalahi undang-undang;**
- (g) mana-mana orang yang menjadi anggota atau bergabung dengan mana-mana pertubuhan yang berkaitan dengan atau member ajaran tentang ketidakpercayaan dalam atau**

**menentang kerajaan yang wujud atau menjalankan atau mengajar tentang kewajipan, keperluan atau kewajaran serangan yang menyalahi undang-undang atau membunuh mana-mana pegawai atau pegawai-pegawai, sama ada secara individu tertentu atau pegawai pada amnya, mana-mana Kerajaan di Malaysia atau mana-mana Kerajaan yang ditubuhkan, disebabkan oleh sifat rasminya atau mereka menganjurkan atau mengajar tentang kerosakan harta benda secara menyalahi undang-undang; dan**

- (h) mana-mana orang yang, berikutan dengan maklumat yang diterima dari mana-mana sumber yang disifatkan oleh Menteri sebagai boleh dipercayai, atau dari mana-mana kerajaan, melalui saluran rasmi atau diplomatik, disifatkan oleh Menteri sebagai imigran yang tidak diingini.**

**Larangan kemasukan ke Sarawak ialah hak mutlak Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan Seksyen 65, Akta Imigresen 1959/63.**